

# RM100b beli kereta

B.M 06/05/07 M/S 1

## Peningkatan pinjaman berikutan sikap mahu miliki kenderaan sendiri

Oleh Abdul Halim Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Jumlah terkumpul pinjaman sewa beli kenderaan penumpang sehingga Mac 2007, hampir RM100 bilion, peningkatan kira-kira RM10 bilion dalam tempoh setahun, berikutan sikap rakyat Malaysia yang mahu memiliki kenderaan sendiri.

Menurut *Buletin Statistik* Bulanan Mac 2007 Bank Negara Malaysia, jumlah terkumpul pinjaman sewa beli yang dikeluarkan institusi kewangan tempatan se-

hingga Mac 2007 berjumlah RM99.953 bilion, berbanding RM89.484 bilion bagi tempoh berakhir Mac 2006.

Peningkatan itu adalah antara penyebab berlakunya kemelut dan penyederhanaan dalam sektor automotif sekarang kerana hampir setiap orang dewasa di Malaysia sudah memiliki kereta.

Jumlah terkumpul pinjaman sewa beli adalah yang kedua tertinggi selepas pinjaman untuk pembelian hartanah kediaman yang berjumlah RM164.953 bilion bagi tempoh sama.

Meskipun, jumlah pemberian pinjaman sewa beli kenderaan hampir mencecah RM100 bilion, perkembangan ekonomi negara yang terus mantap menyebabkan hanya 3.7 peratus atau RM3.67 bilion daripada jumlah itu menjadi pinjaman tidak berbayar (NPL).

Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat Bank Negara Malaysia, Abu Hassan Alshari Yahaya, berkata nisbah penggunaan kereta bagi orang dewasa di Malaysia yang tinggi pada 2.4:1, iaitu satu kereta bagi setiap 2.4 orang, menyempitkan ruang pertumbuhan jualan ke-

reta, sama ada kereta baru atau terpakai.

“Berbanding negara maju termasuk United Kingdom (UK), nisbah penggunaan kereta di kalangan penduduk dewasa masih besar iaitu 16:1,” katanya.

Yang Dipertua Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema), Datuk Abdul Hamid Ibrahim, berkata pelancaran model baru, lambakan kereta kompak dari China, kadar faedah kereta baru yang rendah